

CUKAI

Pantau caj perkhidmatan, tip beban pengguna

Pada awal bulan ini, Malaysia menyertai lebih 140 negara di seluruh dunia melaksanakan sistem percukaian baharu iaitu Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Sistem GST yang baharu dilaksanakan itu dilihat mampu menjana sistem pungutan cukai yang lebih berkesan kepada sebuah negara.

Dengan pemansuhan sistem percukaian lama, ramai pihak kini meminta kerajaan mengkaji semula sistem caj perkhidmatan atau pembayaran tip yang selama ini dibuat sektor industri tertentu yang dikenakan kepada pengguna sejak sekian lama.

Dengan pengenalan GST adalah tidak wajar segelintir peniaga masih mengenakan caj tambahan seperti caj perkhidmatan ataupun pembayaran tip kepada pengguna yang boleh dianggap menambah beban kewangan mereka.

Tambahan pula justifikasi bagi mengenakan caj perkhidmatan ataupun pembayaran tip itu sendiri mengelirukan dan tidak jelas. Terdapat beberapa rungutan diwujudkan pengguna yang mengatakan mereka dikenakan caj perkhidmatan yang tinggi sehingga mencecah 10 peratus hingga 15 peratus.

Caj perkhidmatan ataupun pembayaran tip ini dilihat sudah tidak relevan lagi untuk diamalkan dalam negara ini memandangkan tiada perkhidmatan tambahan diperoleh pengguna.



Pelaksanaan GST berkuat kuasa awal bulan ini di Malaysia.

(GAMBAR HIASAN)

dangkan tiada perkhidmatan tambahan diperoleh pengguna.

Cadang polisi bendung pembayaran tip

Baru-baru ini, kerajaan menyuarakan cadangan untuk mengeluarkan satu polisi atau garis panduan bagi membendung perkara terbabit daripada berlaku di luar kawalan. Namun begitu, penge-

nalan undang-undang khas bagi membendung atau mengawal penggunaan caj perkhidmatan ataupun pembayaran tip ini dilihat lebih sesuai bagi memastikan tiada peniaga yang mengambil ringan terhadap isu terbabit.

Tambahan pula, dengan pengenalan undang-undang khusus mengenainya, tindakan un-

dang-undang tegas boleh diambil terhadap peniaga yang masih berdegil mengenakan caj perkhidmatan ataupun pembayaran tip.

Kajian mengenainya boleh dilakukan dengan melihat pelaksanaan undang-undang terbabit di negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah, Australia, dan Jepun.

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

Sementara menunggu polisi, garis panduan atau peraturan baharu mengenai isu terbabit dikeluarkan, kerajaan terutama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) hendaklah sentiasa memantau isu terbabit supaya berada dalam kawalan.

Pengguna juga hendaklah menggunakan kuasa yang ada pada mereka untuk memastikan peniaga terbabit tidak menyalahgunakan caj perkhidmatan ataupun pembayaran tip untuk mendapat keuntungan segera.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia